

ICT tempatan perlu lebih global

Firma teknologi Malaysia masih asing pada peringkat antarabangsa

Oleh Mohd Azlan Jaafar yang berada di Austin, Texas baru-baru ini

JOCELYN Choi berbaju kebaya sibuk menceritakan mengenai negara di Pavilion Malaysia serta menyemat lencana pada pengunjung di Kongres Sedunia Mengenai Teknologi Maklumat 2006 (WCIT).

Warga Malaysia dari New York bersama dua lagi rakannya, Richmond Low, dan Paul Tan, menjadi petugas hadapan serta melayan pengunjung ke lokasi pameran firma teknologi Malaysia.

Keunikan pakaian oleh tiga warga Malaysia itu mendapat pujian serta terbenang pada muka depan akhbar harian di Austin pada acara dianggap Olimpik bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Keramahan dan budi bahasa anak muda berkenaan membantu dalam usaha mempromosikan Malaysia, tuan rumah WCIT 2008 di Kuala Lumpur, sesuatu yang dibanggakan tetapi kadang kala dilupai orang tempatan.

"Pihak di sini mula mengenali dan bertanya banyak perkara mengenai Malaysia. Ia sangat menarik walaupun saya terpaksa banyak tersenyum," kata Choi yang baru menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi di New York dan mahu terus berada di Amerika untuk menimba pengalaman.

Kehadiran Malaysia di WCIT itu adalah terbesar dengan kira-kira 320 delegasi dengan 240 daripada sektor swasta. Kehadiran yang ramai itu mahu membuktikan sektor ICT negara sudah matang, walaupun baru 10 tahun memasuki bidang itu.

Pavilion yang memaparkan produk 12 syarikat teknologi Malaysia tidak putus-putus dikunjungi oleh pengunjung, walaupun berdepan saingan hebat seperti

INTI PATI

- Kehadiran Malaysia di WCIT itu adalah terbesar dengan kira-kira 320 delegasi dengan 240 daripada sektor swasta
- Pavilion yang memaparkan produk 12 syarikat teknologi Malaysia tidak henti dikunjungi pengunjung, walaupun berdepan saingan seperti Kanada, Brazil, Taiwan.
- Kepada sebahagian besar dunia, Malaysia dan firma teknologinya masih entiti asing. Ia dilihat ketinggalan berbanding China, India, Taiwan dan Korea Selatan.
- Malaysia yang hanya mempunyai kira-kira 300 peniaga ICT sebelum projek Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia), kini memiliki lebih 1,400 syarikat berstatus MSC

Kanada, Brazil dan Taiwan.

Kepada sebahagian besar dunia, Malaysia dan firma teknologinya masih entiti asing. Ia dilihat ketinggalan berbanding China, India, Taiwan dan Korea Selatan. Kehadiran sebenar firma Malaysia dalam pasaran global sangat kecil.

"Kita perlu meningkatkan promosi mengenai Malaysia kepada dunia. ICT industri penting dan ada tafsiran Malaysia tidak menawarkan insentif sebaik negara lain. Kita harus mengubahnya," kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis.

Malaysia yang hanya mempunyai kira-kira 300 peniaga ICT sebelum projek

Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia), kini memiliki lebih 1,400 syarikat berstatus MSC. Sebanyak 76 firma tempatan mampu membawa produk ke pasaran dunia.

Bagaimanapun, dengan kehadiran firma yang banyak, Malaysia gagal untuk berkembang pada kadar lebih pantas.

"Kita ada banyak kelebihan. Ia masa untuk kita secara agresif menjenamakan diri kita sendiri," kata Ketua Eksekutif Basis Bay, Praba Thiagarajah.

Kegagalan firma tempatan menjenamakan kekuatan masing-masing pada peringkat antarabangsa menjejaskan usaha menempatkan diri di kalangan kumpulan elit ICT dunia.

"Ia sukar (memasuki pasaran dunia) tetapi kita perlu keluar memasarkan diri dan produk," kata Naib Presiden Pemasaran, EA Consulting Asia Pasifik Sdn Bhd, Abdul Mutalib Shamsudin.

Beberapa pihak dalam kerajaan menyedari kelemahan ketika ini adalah aspek penjenamaan dan promosi serta bersaing dengan negara lain secara lebih kompetitif.

Dr Jamaludin berkata, Malaysia perlu mengetahui apa dilakukan negara lain serta insentif diberikan negara seperti India dan China kerana apa yang dihidangkan 10 tahun lalu tidak lagi menarik seperti sebelum ini.

"Kita perlu melihat semula kepada strategi kita. Kita perlu memberi apa yang dikehendaki pelabur," katanya.

Dr Jamaludin yang menerajui Kementerian untuk mempromosikan MSC Malaysia dan firma ICT tempatan menyedari kelambatan memasuki pasaran secara agresif akan menjadikan negara seperti versi *Windows* lama yang tidak lagi digunakan.

WCIT di Austin, dianggap usaha terbaik memasarkan firma ICT tempatan

yang laparkan pasaran antarabangsa.

Ketua Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDEC), Badlisham Ghazali dipertanggungjawabkan mengembalikan sinar kepada MSC Malaysia, hab teknologi yang akan memacu Malaysia kepada negara berpengetahuan tetapi sedikit 'lesu' sejak beberapa tahun lalu.

Beliau mengaku banyak yang perlu tetapi kejayaan menarik pengeluar komputer terbesar dunia, Dell Inc, yang berpangkalan di Austin untuk membuka pusat rekaan dan penyelidikan tinggi adalah permulaan positif.

"Saya berharap selepas mendapat syarikat besar seperti Dell, syarikat besar lain akan mengikut seperti teori *follow the herd*," katanya.

Dr Jamaludin berkata, pelaburan Dell dijangka mencapai AS\$200 juta dalam 10 tahun dan Malaysia mengalahkan negara di Eropah termasuk Eropah Timur dan Asia lain untuk pelaburan Dell.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika makan tengah hari dengan delegasi Malaysia berkata, kehadirannya membuktikan kesungguhan kerajaan melihat ICT berjaya dan mempunyai kualiti tinggi.

Mereka yang hadir mesti komited kepada ICT serta menunjukkan rakyat Malaysia adalah berkualiti, inovatif dan kreatif. "Anda mata dan telinga untuk membawa pelaburan terbaik pulang ke Malaysia. Anda mesti berdiri megah," kata Perdana Menteri.

Abdullah sudah menyatakan apa yang dikehendaki kerajaan. Di kalangan peserta Malaysia di WCIT, ada yang terbaik dan tahu apa yang diperlukan untuk menjadi yang terbaik, tetapi tidak kurang menghabiskan masa di Texas ini tanpa mengetahui makna sebenar untuk menjadi yang terbaik.